

Malam Puisi Gaza 2014

» Suara kemanusiaan penyair
Malaysia, warga USIM

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

L aungan suara kemanusiaan yang menentang kekejaman rejim Zionis Israel terhadap penduduk Gaza di Palestin, bakal bergema pada Malam Puisi Gaza 2014: Ekspresi Jiwa dan Munajat Doa Buat Palestin di Perkarangan Dewan Besar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Sabtu ini, bermula jam 7 malam.

Acara anjuran USIM bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dan BH sebagai rakan media itu, bermatlamat meniupkan kesedaran serta menyemai rasa tanggungjawab dalam masyarakat terhadap penderitaan mereka.

Pengarah Pusat Kebudayaan USIM merangkap Timbalan Pengerusi Malam Puisi Gaza 2014, Ismail Ahmed, berkata USIM berbesar hati menjadi tuan rumah kepada acara puisi yang turut mendapat kerjasama penggiat industri buku, penulis dan aktivis seni tanah air.

Sarat kerohanian

"Malam Puisi Gaza 2014 bukan sekadar acara baca puisi, bahkan sarat dengan sentuhan kerohanian dimulakan dengan sembahyang hajat untuk mendoakan keamanan Palestin sejurus selesai solat Maghrib berjemaah, tazkirah, munajat doa dan video multimedia realiti penderitaan rakyat Gaza.

Siso

Sekeping Nota Untuk Gaza

Kutulis nota ini untukmu Gaza ketika peluru memuntah-muntah ketika serbu dari segenap arah ketika gerombolan tahap meratah dan Gaza mula disimbahi darah.

Gaza Zionis itu hatinya haiwan mereka dari bangsa tak mengenal kasihan maka, anak-anakmu mereka jadikan mangsa ibu-ibu tuamu mereka palitkan duka hanyir keangkuhan mereka tumpahkan di mana-mana.

Telah berdebu kau Gaza ranap rumah-rumah, sekolah dan laman masjid terindah angkuhnya Zionis berjalan antara puing dan runtunan berbangalah mereka melangkah antara mayat bergelimpangan di sini yang ada semua menjadi serpihan tetapi, tidak semangatmu, kekuatanmu, kerana kau tetap melawan.

Petikan puisi yang bakal dibacakan oleh Prof Datuk Dr Musa Ahmad



"Acara berlangsung secara santai dan orang ramai yang hadir bukan saja dapat menyaksikan deklamasi serta nyanyian lagu puisi, bahkan beramal dengan menyumbang menerusi kutipan dilakukan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Aman Palestin Berhad," katanya kepada Sastera BH di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Program yang mendapat kerjasama Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA), Aman Palestin dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) itu menampilkan penyair tempatan yang mempersembahkan puisi bertema kemanusiaan.

Antaranya ialah penulis dan penggiat teater, Khalid Salleh; Pensyarah Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsudin Othman dan Juara Sayembara Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan 2013, Haryani Harun. Sementara itu, Dr Shamsudin menyifatkan program apresiasi puisi khas sebagai sokongan kepada Gaza itu sangat bermanfaat untuk menyedarkan pelajar institusi pengajian

tinggi (IPT) mengenai tanggungjawab kemanusiaan mereka.

Utamakan nilai kemanusiaan

"Tugas sebagai pelajar bukan saja bertumpu kepada bidang akademik, bahkan sewajarnya mempunyai kesedaran dan mengutamakan nilai kemanusiaan.



Ismail Ahmed

"Sebahagian golongan intelektual sibuk mengejar status sehingga terlupa terhadap hak dan nilai kemanusiaan yang sepatutnya turut diberi tumpuan, sekali gus menjadikan acara baca puisi ini sebagai antara cara mengajak golongan muda menghayati nilai sejagat," katanya yang bakal mendeklamasikan karyanya Gaza Malapetaka Apakah Itu.

Selain itu, acara turut dimeerahkan dengan bacaan puisi istimewa oleh wakil penganjur, iaitu Prof Datuk Dr Musa Ahmad yang menjalankan tugas Naib Canselor USIM; Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr Awang Sariyan dan Pengarah Urusan ITBM, Mohd Khair Ngadiron.

Tidak ketinggalan, Kumpulan Puisi USIM akan menampilkan persembahan, selain penggiat seni tanah air termasuk penyanyi yang popular dengan lagu Pada Syurga Di Wajahmu, Nash; bekas penyanyi Kumpulan Koprata, Siso dan komposer popular, Fauzi Marzuki.

Persembahan pada Malam Puisi Gaza 2014 juga akan didokumentasikan dan dimuat naik ke laman Facebook serta Youtube, manakala mereka yang menonton video berkenaan digalakkan menderma sebanyak RM10, RM5 atau RM1 kepada T a - b u n g Aman Palestin menerusi talian 39111.



Khalid Salleh